

Pendidikan Perubahan Iklim

Program Pelan Tindakan Sekolah

Kajian Kes Akita, Jepun

**Mari Warnakan Masa Hadapan Kita
Seindah Pelangi!**



Buku Rujukan

**Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Sabah, Malaysia
Conference of Earth Environment from Akita, Japan**

Pendahuluan

Buku ini bertujuan memberi panduan kepada sekolah-sekolah untuk melaksanakan pelan tindakan di sekolah bagi mengurangkan kesan perubahan iklim. Ia mengandungi pelan tindakan sekolah yang telah dihasilkan oleh para pelajar di Jepun melalui latihan dan bengkel yang telah diadakan.

Buku ini dihasilkan dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Alam Sekitar dengan Conference of Earth Environment from Akita, Jepun (CEEAA) sebagai salah satu program di bawah Perjanjian Persefahaman Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar dengan CEEAA.

Pesanan kepada Rakan-Rakan Sabah

Kita amat bertuah kerana dikurniakan dengan alam semulajadi yang indah berserta dengan kepelbagaian biodiversiti yang sangat tinggi.

Namun, alam sekitar kita menghadapi pelbagai cabaran akibat isu pemanasan global dan perubahan iklim yang disebabkan oleh perkembangan aktiviti manusia. Khazanah kita ini harus sentiasa kita lindungi dan pelihara kerana sekiranya kita leka dan gagal untuk melindungi alam sekitar, usaha pemulihan akan lebih mencabar.

Kita boleh berkongsi idea dan melakar masa depan yang lebih baik. Walau sekecil mana pun tindakan yang kita lakukan ia pasti dapat menyumbang kepada kesejahteraan alam sekitar dan kehidupan yang sihat, bersih dan selamat.

Cara Menggunakan Buku Rujukan Ini

Latihan Perubahan Iklim x Pelan Tindakan Sekolah telah disertai oleh lebih 1,000 pelajar di Jepun, dan banyak pelan tindakan sekolah telah disediakan. Buku ini mengandungi pelan tindakan sekolah yang menarik dan imaginatif yang telah diusahakan oleh pelajar Jepun. Kami berharap ini akan membantu anda memikirkan pelan tindakan anda.

Walaupun anda tidak boleh mengambil tindakan sekarang, kami mengalu-alukan idea anda tentang "bagaimanakah masyarakat yang ingin anda lihat pada masa hadapan?" atau "apakah anda ingin lakukan pada masa hadapan?". Beberapa pelan tindakan tersebut telah berjaya mencapai penjimatan tenaga dengan menambahbaik peraturan sekolah dan kemudahan sekolah dengan persetujuan pihak sekolah.

Para pelajar yang telah menyertai latihan ini di Jepun, telah menyediakan pelan tindakan sehingga tahun 2030 (tahun pencapaian dalam Perjanjian Paris dan SDGs). Ia bermula dengan langkah-langkah pengurangan perubahan iklim, dan turut akan dijadikan sumbangan terhadap komuniti.

Diharap buku ini dapat menjadi rujukan kepada anda dalam membuat pelan tindakan di sekolah anda!

Sekolah terlibat (bilangan pelajar terlibat)

2018: Akita Municipal Akita Commercial High School (258), CLARK Memorial International High School (70)

2019: Akita Municipal Akita Commercial High School (261), CLARK Memorial International High School (70)

2020: Akita Prefectural Akita-Chuo High School (102), Akita Municipal Akita Commercial High School (262)

Jumlah 6 sekolah (1,023 pelajar)

*termasuk pelajar yang mengambil bahagian mengundi sahaja

Pelan Tindakan Sekolah (Contoh)

rancangan tindakan dan pelaksanaan terhadap perubahan iklim

Penjimatan Tenaga: Menghasilkan uniform sekolah yang lebih sesuai setiap musim

Pelan hala tuju (Tempoh: 3-5 tahun)	Tahun pertama: Melaksanakan mesyuarat selepas mendapat kebenaran dari sekolah Tahun kedua: Pertandingan reka bentuk uniform sekolah Tahun ketiga: Mengeluarkan uniform sekolah baharu Selepas tahun ketiga: Pelaksanaan uniform baharu dengan seluar pendek untuk musim panas dan seluar panjang untuk musim sejuk
--	---

* Pada tahun selepas melaksanakan program ini, semua murid sekolah ini termasuk perempuan telah dibenarkan untuk memakai seluar panjang pada musim sejuk sebagai langkah 'penjimatan tenaga' alternatif kepada pertukaran uniform.

Pengangkutan: Memperkenalkan bas elektrik antara stesen kereta api dan sekolah

Pelan hala tuju (5-10 tahun)	Tahun pertama hingga kelima: Mengumpul wang untuk membeli bas (sumbangan daripada keluarga pelajar, alumni dan orang awam) Tahun keenam: Perkhidmatan bas ulang-alik untuk pelajar bermula Selepas tahun ketujuh: Perkhidmatan bas untuk komuniti bermula
---------------------------------	--

Penjanaan Kuasa: Memperkenalkan penjanaan kuasa biomas

Pelan hala tuju (Sehingga 5 tahun)	Tahun pertama hingga keempat: Pemasangan peralatan penjanaan kuasa biomas Tahun kelima: Mengumpul sampah sisa makanan dari sekolah-sekolah rendah berhampiran untuk menjana elektrik dan membekalkan elektrik untuk semua sekolah Selepas tahun keenam: Memanfaatkan peralatan penjanaan tenaga biomas sekolah sebagai tempat pendidikan alam sekitar untuk murid sekolah rendah
---------------------------------------	---

Penghijauan: Pemasangan langsir hijau

Pelan hala tuju (Sehingga 10 tahun)	Tahun pertama: Pembiayaan melalui sumbangan dan kos belanjawan oleh Jabatan Pendidikan Tahun kelima: Kelab pertanian menanam sayur-sayuran seperti peria di sekolah Selepas tahun kelima: Menjual hasilnya di pasaraya berhampiran dengan jenama seperti "Peria Sekolah xx" (Teruskan projek dengan memperuntukkan hasil itu untuk kos pembelian anak benih pada tahun berikutnya)
--	---

Komen-komen dari Sekolah dan Pelajar**[Sekolah]**

Perubahan terhadap kesedaran pelajar dibentuk melalui kuliah dan program untuk memikirkan pelan tindakan sekolah.

Program ini amat bermakna kerana dapat membantu pelajar memberi kesedaran tentang perlindungan alam sekitar.

Kami menyedari hasil pembelajaran dalam idea pelajar yang fleksibel dan praktikal. Kami perlu memberi peluang yang berterusan untuk pembelajaran seperti ini.

[Pelajar]


Saya telah sedar bahawa sekolah juga merupakan sebuah masyarakat kecil dan pemikiran kita akan menggerakkan negara kita pada masa hadapan.

Kerja kumpulan ini menyeronokkan. Proses pengundian adalah lebih mudah daripada yang saya fikirkan, yang menurunkan bar untuk penyertaan kepada pilihan raya.

Saya telah mendapat kesedaran bahawa kita mesti memikirkan isu ini dengan serius.

Program ini memberi saya pemahaman yang baik tentang keadaan persekitaran semasa. Saya seronok memikirkan bagaimana kita boleh memperbaikinya.


Q. Adakah anda semakin menyedari pelbagai isu seperti masalah alam sekitar selepas program ini?



88% pelajar menjawab bahawa mereka semakin menyedari pelbagai isu

*Peratusan daripada 144 pelajar tidak termasuk pelajar yang asalnya menjawab bahawa mereka sudah mempunyai kesedaran

Contoh Aktiviti (2020)



Pelan Tindakan terhadap Perubahan Iklim 2020 Akita-Chuo High School

Tingkatan 2

		Tempoh pelaksanaan					
	Pelan	3 tahun		5 tahun		10 tahun	→ tahun 2030
1	Penjanaan elektrik dengan basikal						Mencapai matlamat Perjanjian Paris!
2	Mengurangkan kegunaan kereta	→					
3	Menggunakan basikal ke/dari sekolah	→					
4	Pemasangan langsir hijau						
5	Membuka taman atas bumbung bangunan sekolah						
6	Dilarang menggunakan penghawa dingin sekiranya pelajar mendapat gred F	→					
7	Menetapkan "Hari Jimat Tenaga" sehari dalam sebulan						
8	Memanfaatkan ulang tahun ke-100 sekolah	→					

Perincian pelan

	Pelan	Tempoh	Perincian kandungan pelaksanaan
1	Penjanaan elektrik dengan basikal	4 tahun	* Basikal dianggarkan 150,000 yen sebuah dan bateri dianggarkan 500,000 yen Pengumpulan dana dari pelajar, guru dan graduan (Juga memanfaatkan dana awam) Pembelian alat penjanaan elektrik dan bateri → Pemasangan → Penjanaan elektrik dengan basikal oleh ahli kelab sukan
		5 tahun	Penggunaan elektrik di gimnasium dibekalkan oleh penjanaan elektrik dengan menggunakan basikal
2	Mengurangkan kegunaan kereta	dalam tahun ini	Menetapkan kawasan larangan kereta masuk (Perbincangan dengan guru besar dan Jabatan Pendidikan) Guru-guru dilarang menggunakan kereta dalam lingkungan 15km dari kawasan sekolah Menetapkan peraturan sekolah hanya pelajar yang menggunakan basikal sahaja yang dibenarkan masuk di dalam bandar Akita
3	Menggunakan basikal ke/dari sekolah	1 tahun	Pemasangan alat penjanaan elektrik dengan basikal
4	Pemasangan langsir hijau	3-5 tahun	Pembiayaan melalui derma 100 yen seorang dari pelajar dan dana dari Jabatan Pendidikan Akita Kelab pertanian menanam sayur-sayuran seperti peria di sekolah dalam tempoh 5 tahun *Harga anak benih peria dianggarkan 528 yen → Menuai → Menjual hasilnya di pasaraya berhampiran dengan jenama "Akita-Chuo High School"
5	Mewujudkan taman atas bumbung bangunan sekolah	1 tahun	Memastikan keselamatan atas bumbung bangunan sekolah, contohnya memasang pagar
		5 tahun	* Menggunakan dana dari sekolah Meletakkan 10 keping rumput golf di atas bumbung bangunan sekolah Memenuhi kawasan taman dengan rumput (30cmx167cm *Andaikan 4950 yen 1 keping) Memasang bangku, meja dan pemercik air
6	Dilarang menggunakan penghawa dingin sekiranya pelajar mendapat gred F	2 tahun	Guru mengurangkan tugas para pelajar dan menetapkan masa untuk menutup sekolah Membuka kelas tambahan untuk pelajar yang mendapat gred F
		3 tahun	Dilarang menggunakan alat penghawa dingin sekiranya 3 pelajar dalam kelas mendapat gred F Menetapkan peraturan supaya tidak perlu menguna aircon Contoh) - Dibenarkan memakai baju sukan semasa datang ke sekolah dan semasa berada dalam kelas - Dibenarkan penggunaan kipas tangan semasa dalam kelas - Dibenarkan berpakaian panas seperti jaket fleece dan lain-lain
7	Menetapkan "Hari Jimat Tenaga" sehari dalam sebulan	setengah tahun	* Kumpulan sasaran : Pelajar, guru dan kakitangan Akita-Chuo High School Dilarang menggunakan lampu bilik kelas semasa cuaca cerah (litupan awan < 20%)
		5 tahun	Menetapkan hari yang tidak menggunakan lampu bilik pada hari pertama dalam bulan Dilarang menggunakan penghawa dingin sekiranya suhu bilik 30°C ke bawah Guru dan pelajar dilarang menggunakan kereta kecuali mereka tinggal di kawasan dibenarkan
8	Memanfaatkan ulang tahun ke-100 sekolah	1 tahun	Dalam memperingati ulang tahun ke-100, pelajar akan mencipta dan mengedarkan video Youtube tentang usaha sekolah untuk penjimatan tenaga Meminta kelab ragbi dan selebriti graduan sekolah untuk mengiklankan aktiviti itu → Mendapatkan perhatian graduan → Pembiayaan untuk aktiviti yang lain Lancarkan dana pemuliharaan alam sekitar (2,000 yen seunit) → Mendapatkan dana dari graduan untuk kos pembelian basikal untuk penjanaan elektrik

Contoh Aktiviti (2019)

"Mari Warnakan Masa Hadapan Kita Seindah Pelangi!" Simulasi Pilihan Raya Akita Commercial High School

Pemanasan global semakin meningkat disebabkan oleh sejumlah besar karbon dioksida yang dikeluarkan daripada aktiviti harian kita. Akibatnya, pelbagai kesan terhadap iklim muncul di seluruh dunia, seperti hujan yang melampau, kekeringan dan perubahan laut seperti kenaikan paras laut. Ahli **Kumpulan Perniagaan Ekologi** sekolah kita telah menganggap "**Rancangan Tindakan untuk Alam Sekitar Sekolah**" sebagai langkah mengurangkan perubahan iklim yang boleh dilakukan oleh sekolah ini. Yang manakah anda anggap penting antara langkah-langkah diambil oleh tiga kumpulan di bawah?

Sila berikan undian anda kepada "Rancangan Tindakan Sekolah" untuk sekolah kita

*Sila tuliskan nama salah seorang daripada calon berikut pada borang pengundian yang diserahkan kepada anda di tempat mengundi pada hari acara.

Hari Mengundi
2 Okt (Rabu)

Pelan Tindakan Sekolah

Bidang Nama Parti (Nama calon)	Penjimatan Tenaga	Penjanaan Tenaga	Pengangkutan ke/dari sekolah	Lain-lain
Parti Perubahan Iklim (Rin Takahashi)	- Menjimatkan tenaga elektrik (Mencabut soket peralatan elektrik, menutup lampu di bilik yang tidak digunakan)	- Menunggang basikal untuk penjanaan elektrik semasa kelas pendidikan jasmani	- Menggunakan "bas elektrik besar" yang berulang-alik antara sekolah dan Stesen Akita	- Meletakkan tong sampah untuk mengelakkan pembuangan sampah di merata-rata tempat.
Parti Sekolah komersial (Hokuto Fukazawa)	- Mengurangkan bilangan bilik yang digunakan - Hadkan bilangan mentol lampu di bilik	- Memasang panel solar di atas bumbung bangunan sekolah - Penjanaan kuasa solar menggunakan panel solar di kawasan yang luas seperti permukaan laut	- Menggunakan basikal untuk alternatif kepada penggunaan kereta apabila ke sekolah (juga mengesyorkan penggunaan basikal kepada komuniti) - Subsidi untuk pembelian kenderaan elektrik	- Mengurangkan sampah (larangan penggunaan alat pakai buang makanan, kurangkan penggunaan kertas, menggunakan beg beli-belah sendiri dan botol yang boleh guna semula) - Kitar semula - Meningkatkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (gas metana, kuasa hidroelektrik, kuasa angin, kuasa solar) - Aktiviti menanam pokok
Parti Bumi Sihat (Yutaro Miura)	- Pemasangan basikal penjana kuasa di gimnasium (dengan paparan jumlah kuasa yang dijana) → Anugerah untuk kelas yang mencapai matlamat	- Mengumpul sisa makanan tengah hari dari sekolah rendah untuk penjanaan elektrik → Menjemput murid sekolah rendah ke kumpulan perniagaan ekologi - Pemasangan basikal penjanaan kuasa di pusat latihan (Jumlah kuasa elektrik dijana boleh dilihat)	- Melarang menggunakan kereta persendirian dan menggantikan penggunaan pengangkutan awam atau basikal → Menetapkan sebulan untuk penguatkuasaan	- Meningkatkan bilangan tong sampah di kawasan yang banyak sampah - Melaksanakan pendidikan Alam Sekitar

Pelan Tindakan terhadap Perubahan Iklim 2019 Akita Commercial High School

Kumpulan Perniagaan Ekologi

		Tempoh pelaksanaan					
Pelan		3 tahun		5 tahun		10 tahun	→ tahun 2030
1	Menjimatkan tenaga elektrik	→					Mencapai matlamat Perjanjian Paris!
2	Menunggang basikal untuk penjanaan elektrik semasa kelas pendidikan jasmani	→					
3	Menggunakan "bas elektrik besar" yang berulang-alik antara sekolah dan Stesen Akita			→			
4	Meletakkan tong sampah untuk mengelakkan pembuangan sampah ke di merata-rata tempat	→					

Perincian pelan

Pelan	Tempoh	Perincian kandungan pelaksanaan
1	Menjimatkan elektrik	2 tahun
2	Menunggang basikal untuk penjanaan elektrik semasa kelas pendidikan jasmani	2 tahun
		3 tahun
3	Menggunakan "bas elektrik besar" yang berulang-alik antara sekolah dan Stesen Akita	5 tahun
		10 tahun
4	Meletakkan tong sampah untuk mengelakkan pembuangan sampah ke di merata-rata tempat	2 tahun
		2.5 tahun

Contoh Aktiviti (2019)

"Mari Warnakan Masa Hadapan Kita Seindah Pelangi!" Simulasi Pilihan Raya Akita CLARK High School

Ini adalah rancangan tindakan sekolah untuk Sekolah Tinggi Clark Akita dibuat oleh pelajar tingkatan 1.
Sila undi pilihan anda dengan merujuk kepada ucapan dan senarai tindakan oleh 4 parti berikut.

Hari Mengundi
30 Okt (Rabu)

Pelan Tindakan Sekolah

Bidang Nama parti (Nama calon)	Pakaian, Pengangkutan	Penjimatan Tenaga	Bantuan Kerjasama	Lain-lain
Parti Langerhans (Takaya Ogawa) MENANG	- Membawa beg beli-belah dan mengurangkan penggunaan beg plastik	- Penggantian lampu sekolah dengan lampu LED - Dilarang menggunakan dokumen kertas kecuali sijil yang penting (Pendigitalan dokumen)	- Melancarkan acara sukarelawan (Penanaman pokok, pungut sampah, kitar semula)	- Menerbitkan penggunaan tenaga sekolah-sekolah CLARK di laman web
Parti Gula-gula (Mr. Slug)	- Mengubahsuaikan beg sekolah dan pakaian seragam dengan pengecas solar yang boleh dipakai	- Pemansuhan ujian menggunakan kertas dan pelaksanaan ujian dengan iPad/tablet	- Kebersihan pantai dan sungai oleh pelajar	- Mengayuh basikal penjana kuasa semasa kelas
Parti Penjaga Bumi (Aoi Inomata)	- Mengumpul uniform terpakai dari graduan dan mengedarkannya kepada pelajar baru	- Pemasangan panel solar - Mengurangkan penggunaan kertas - Kitar semula - Mematikan lampu apabila bilik tidak digunakan	- Penanaman pokok - Pungut sampah - Aktiviti sukarelawan	
Parti Jepun (Seina Horie)	- Menyesuaikan pakaian mengikut cuaca Musim sejuk → Pakaian tebal (Cardigan dan jaket) Musim panas → Lengan pendek	- Mematikan lampu dengan kerap - Menetapkan masa penjimatan tenaga - Pemasangan panel solar dan bateri di atas bangunan sekolah - Menanggalkan palam elektrik apabila peralatan elektrik tidak digunakan - Menggunakan kertas kitar semula	- Penderma - Meletakkan pokok hiasan	- Membawa sapu tangan selalu - Pemetongan belanjawan acara

Pelan Tindakan terhadap Perubahan Iklim 2019 Akita CLARK High School

Tingkatan 1

		Tempoh pelaksanaan					
	Pelan	3 tahun	5 tahun	10 tahun	→ tahun 2030		
1	Membawa beg beli-belah dan mengurangkan penggunaan beg plastik	→				Mencapai matlamat Perjanjian Paris!	
2	Penggantian lampu sekolah dengan lampu LED			→			
3	Dilarang menggunakan dokumen kertas kecuali sijil yang penting	→					
4	Bekerjasama dengan sekolah-sekolah CLARK di seluruh negara dan menyediakan aktiviti sukarelawan			→			
5	Terbitkan penggunaan tenaga di sekolah-sekolah CLARK di laman web	→					

Perincian pelan

	Pelan	Tempoh	Perincian kandungan pelaksanaan
1	Membawa beg beli-belah dan mengurangkan penggunaan beg plastik	3-4 tahun	① Ciptaan beg beli-belah Clark (2 jenis) ⇒ Perbincangan dengan syarikat kitar semula tentang kegunaan bahan kitar semula untuk beg dan uniform ② Pelajar baru akan diberi beg dan membawa beg itu ke sekolah
2	Penggantian lampu sekolah dengan lampu LED	7 tahun	Menggunakan wang jualan pesta sekolah untuk kos permulaan rancangan ini Meminta derma dalam sekolah dan semasa acara dijalankan
3	Dilarang menggunakan dokumen kertas kecuali sijil yang penting	3 tahun	Mendaftarkan ibu bapa ke senarai e-mel ⇒ menyiarkan e-mel
4	Bekerjasama dengan sekolah-sekolah CLARK di seluruh negara dan menyediakan aktiviti sukarelawan	7 tahun	Aktiviti sukarelawan yang berbeza-beza antara sekolah-sekolah Aktiviti ini akan dijalankan semasa acara dan kelas : Memungut sampah seperti semasa acara Pesta Kanto Akita, pesta bunga api, dan pesta hanami. Menjemput orang awam sebagai sukarelawan
5	Terbitkan penggunaan tenaga di sekolah-sekolah CLARK di laman web	0.5 - 1 tahun	Mendapatkan data di Kampus Akita ⇒ Mencadangkan kepada ibu pejabat sekolah berdasarkan maklumat yang diperolehi
		kira-kira 3 tahun	Rancangan ini akan disiarkan untuk semua sekolah-sekolah Clark Selepas memperolehi data pada tahun pertama, perbandingan perubahan pada tahun sebelumnya juga akan disiarkan pada tahun berikutnya Kos bayaran bil utiliti (elektrik, gas, air) untuk keseluruhan sekolah juga akan disiarkan di laman web sekolah

Contoh Aktiviti (2018)

“Mari Warnakan Masa Hadapan Kita Seindah Pelangi!” Simulasi Pilihan Raya Akita CLARK High School

Ini adalah rancangan tindakan sekolah untuk Sekolah Tinggi Clark Akita dibuat oleh pelajar tingkatan 2.
Sila undi pilihan anda dengan merujuk kepada ucapan dan senarai tindakan oleh 4 parti berikut.

Hari Mengundi
26 Sep (Rabu)

Pelan Tindakan Sekolah

Bidang Nama parti (Nama calon)	Penjimatan Tenaga	Penjanaan Tenaga	Pengangkutan ke/dari sekolah	Lain-lain
Parti Gunung Everest (Yuichiro Miura)	- Mematikan lampu tandas semasa tidak digunakan - Larangan penggunaan bilik darjah selepas sekolah - Pemansuhan penggunaan LCD projektor (menggunakan panel) - Membersihkan sekolah dengan penyapu		- Bas elektrik antara sekolah dan pusat sukan	- Mengurangkan penggunaan alat pemanas
Parti Menara Eiffel (Alexandre)	- Kawalan suhu penghawa dingin - Menanam pokok - Membuat penutup dinding bangunan dengan menggunakan tumbuhan	- Penjanaan tenaga elektrik dengan basikal - penjanaan kuasa angin - Memasang panel solar	- Menggunakan basikal	- Pendigitalan buku teks dan kertas ujian (mengurangkan kegunaan kertas)
Parti Natto (Vladimir)	- Menggantikan lampu sekolah dengan lampu LED - Larangan penggunaan telefon pintar - Menggunakan kipas tangan - Mematikan lampu sekiranya tidak digunakan	- Memasang panel solar - Penjanaan tenaga elektrik dengan basikal	- Mengurangkan penggunaan kereta - Berjalan kaki ke/dari pusat sukan	- Menukarkan kedudukan tingkap - Kitar semula - Menutup sekolah semasa panas dan sejuk melampau - Mengurangkan kegunaan kertas
Parti Konpeito (Sponge Bob) MENANG	- Menggunakan alat pemanas badan pada musim sejuk dan alat penyejukan badan pada musim panas - Seluar musim sejuk untuk pelajar perempuan - Seluar pendek musim panas untuk pelajar lelaki - Membenarkan pakaian sukan semasa musim panas dan memakai jaket semasa musim sejuk	- Memasang alat penjana tenaga elektrik dengan menggunakan basikal dan lantai (koridor, dewan, bilik) - Memasang panel solar	- Membina asrama untuk mengurangkan pergerakan (untuk pelajar CLARK Akita dan pelajar kampus lain) - Bas sekolah (2 hari seminggu)	- Pemindahan tempat tinggal mengikut musim (Rancangan migrasi antara sekolah-sekolah CLARK)

Pelan Tindakan terhadap Perubahan Iklim 2018 Akita CLARK High School

Tempoh pelaksanaan								Tingkatan 2
	Pelan	3 tahun			5 tahun		10 tahun	→ tahun 2030
1	Kawalan suhu mengikut musim	→						Mencapai matlamat Perjanjian Paris!
2	Uniform perempuan dengan seluar panjang untuk musim sejuk				→			
3	Uniform lelaki dengan seluar pendek untuk musim panas				→			
4	Kawalan suhu badan dengan pakaian	→						
5	Pemasangan penjana elektrik	→						
6	Pemasangan panel solar	→						
7	Bas untuk pengangkutan pelajar						→	
8	Rancangan migrasi				→			

Perincian pelan

	Pelan	Tempoh	Perincian kandungan pelaksanaan
1	Kawalan suhu mengikut musim	0 - 1 tahun	Cadangan kepada guru besar → Mesyuarat guru-guru → Pelaksanaan
2	Uniform perempuan dengan seluar panjang untuk musim sejuk	3-5 tahun	Cadangan kepada guru besar → Perbincangan dengan pengarah → Mesyuarat → Pertandingan reka bentuk uniform → Pengeluaran uniform baru → Pelaksanaan
3	Uniform lelaki dengan seluar pendek untuk musim panas	3-5 tahun	Cadangan kepada guru besar → Perbincangan dengan pengarah → Mesyuarat → Pertandingan reka bentuk uniform → Pengeluaran uniform baru → Pelaksanaan
4	Kawalan suhu badan dengan pakaian	0 - 1 tahun	Cadangan kepada guru besar → Mesyuarat guru-guru → Pelaksanaan
5	Pemasangan penjana elektrik	1 tahun	Pemasangan penjana elektrik di atas lantai, tangga dan basikal pelajar Pemasangan penjana elektrik di pemegang pembuka dan penutup tingkap
6	Pemasangan panel solar	1 tahun	Memasang panel solar di atas bumbung bangunan sekolah
7	Bas untuk pengangkutan pelajar	10 tahun	Pembelian bas elektrik bersaiz sederhana oleh sekolah (Pembiayaan dalam 10 tahun) Guru-guru mendapat lesen memandu bas 2 laluan: ① Kawasan Tsuchisaki - Stesen Akita ② Kawasan Araya - Kawasan Sanno
8	Rancangan migrasi (semua sekolah-sekolah CLARK)	7 tahun	Pembiayaan dengan sumbangan dan dana orang awam Pembelian hotel sebagai asrama untuk pelajar yang tinggal di tempat yang jauh Menjemput pelajar dari sekolah CLARK yang lain juga selepas tahun kelapan

Mari kita menyokong
matlamat pembangunan
lestari (SDGs)



**JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR
SABAH, MALAYSIA**



**Conference of
Earth Environment from Akita**

Dicetak di Malaysia

© 2022 Conference of Earth Environment from Akita
Jabatan Perlindungan Alam Sekitar
Tingkat 1-3, Wisma Budaya,
Jalan Tunku Abdul Rahman, Beg Berkunci 2078,
88999 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel/Faks: 088-251290/088-238120
Emel : jpas@sabah.gov.my
Laman Web : <https://epd.sabah.gov.my>

Buku ini dihasilkan di bawah tajaan Japan Fund for Global Environment.

